KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/1/2022 (AHAD)	MUKA SURAT	:	29
JABATAN	:	PTG / PTD PERAK			

Maegma Minerals patuh piawaian ditetapkan

Kerja memindahkan pasir di Tanjung Hantu, Segari, Manjung tidak menimbulkan sebarang risiko alam sekitar dan bersifat sementara

Oleh SAIFULLAH AHMAD

IPOH

Maegma Minerals Sdn Bhd yang memiliki tanah perindustrian di Tanjung Hantu, Segari, Manjung memenuhi segala piawaian ditetapkan bagi kerja-kerja memindahkan pasir yang dilakukan di kawasan berkenaan.

Syarikat tersebut dalam satu kenyataan menjelaskan, segala kerja-kerja yang dilakukan telah diluluskan oleh pihak berkuasa berkaitan dan bekerjasama rapat dengan agensi tersebut.

Menurutnya, pihak Maegma berhasrat untuk membangunkan sebuah kilang keluli bersepadu di kawasan berkenaan yang amat diperlukan di negara ini dalam usaha mempertingkat ekonomi menerusi bahan mentah penting itu.

"Kami ingin menjelaskan kepada orang ramai dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar bahawa Maegma memenuhi semua piawaian alam sekitar dan sebarang kerja yang dijalankan adalah mematuhi sepenuhnya piawaian ditetapkan.

"Kerja-kerja penggantian dan pengeluaran pasir yang dilakukan ketika ini untuk penyediaan tanah berkenaan bagi mengelak teroka haram pertanian, kecurian pasir dan lain-lain aktiviti yang mengancam alam sekitar," katanya pada Sabtu.

Menurut kenyataan tersebut, kerja-kerja yang dijalankan oleh Maegma di kawasan itu ketika ini juga tidak menimbulkan sebarang risiko alam sekitar dan bersifat sementara.


MAEGMA

MAEGMA ENVIRONMENTAL COMMITMENT

Kenyataan dikeluarkan Maegma Minerals Sdn Bhd pada Sabtu berkaitan kerja-kerja yang dilakukan di Tanjung Hantu, Segari, Manjung.

Sementara itu, bagi memenuhi kehendak piawaian alam sekitar tersebut, Maegma juga fokus ke arah pelaksanaan kilang keluli mesra alam selain sedang mempertimbangkan untuk memasang loji tenaga solar 40 megawatt bergantung kepada kelulusan.